

Keberkesanan dan Keselamatan Doula di Malaysia.

Athilah Hazimah¹, Nur Izatul Shahirah², AP Azli Bin Bunawan^{3*} dan Jafalizon Md Jali⁴.

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021898326@student.uitm.edu.my

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2022923743@student.uitm.edu.my

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; ap-azli@uitm.edu.my;  0000-0003-2059-9797

⁴ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizon@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: ap-azli@uitm.edu.my; +6012777 5892.

Abstrak: Artikel ini mengkaji peranan, keberkesanan, dan keselamatan doula di Malaysia. Doula adalah seorang pendamping perempuan yang memberikan sokongan fizikal, emosi, dan maklumat kepada ibu sepanjang proses kehamilan, bersalin, dan berpantang. Kajian ini penting untuk memahami manfaat perubatan tradisional dan semulajadi yang digunakan oleh doula. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik pengumpulan data melalui sejarah lisan dan wawancara dengan tokoh doula, Puan Masyitah Binti Md Hassan, yang merupakan doula dan pendidik kelahiran dan Muhammad Zaki Omar, merupakan tokoh kedua yang mempunyai pengalaman berkenaan Doula. Kajian ini juga meninjau kembali literatur tentang peranan dan faedah doula dalam sistem penjagaan kesihatan negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa sokongan doula dapat mengurangkan risiko komplikasi bersalin, memendekkan tempoh bersalin, dan meningkatkan kepuasan ibu. Kajian ini juga membuka mata dan minda penyelidik bahawa persepsi doula sangat berbeza dari pandangan mereka sendiri. Kajian ini mencadangkan untuk mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan doula di Malaysia, untuk meningkatkan kesedaran dan pengiktirafan peranan doula di kalangan masyarakat dan sistem penjagaan kesihatan, dan untuk membangunkan ubat-ubatan berasaskan tumbuhan yang digunakan semasa rawatan.

Kata kunci: Perubatan tradisional, Doula, Kehamilan, CBE (Childbirth Education).

DOI: 10.5281/zenodo.10910146



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Seorang doula adalah seorang peneman kelahiran yang membantu memberikan sokongan emosi, pendidikan, dan fizikal kepada ibu yang hamil, akan bersalin, atau telah bersalin. Doula juga berbeza dengan bidan. Bidan adalah ahli medikal terlatih dan akan melakukan proses pembedahan semasa bersalin manakala Doula adalah sebagai peneman ibu. Di Malaysia, terdapat tiga jenis doula iaitu doula antepartum, doula labor, dan doula postpartum.

Doula antepartum membantu memberi ilmu kehamilan dan mengajar cara-cara bersalin kepada ibu mengandung. Mereka juga membantu dalam merancang persalinan dan mempersiapkan ibu untuk bersalin.

Doula labor berada di sisi ibu ketika bersalin. Mereka membantu mengurangkan rasa sakit dan memberikan sokongan emosi kepada ibu.

Doula pospartum akan berada di sisi ibu selepas bersalin dan membantu dalam hal penjagaan bayi dan penyusuan. Mereka juga membantu dalam hal penjagaan rumah tangga dan memasak.

Doula bukanlah pengganti tugas suami untuk berada di sisi isteri ketika bersalin. Mereka lebih dianggap sebagai sokongan tambahan untuk si ibu. Suami masih perlu memainkan peranan aktif dalam hal penjagaan isteri dan proses bersalin. Doula amat penting bagi ibu-ibu mengandung terutamanya ibu yang pertama kali mengandung.

Doula bukanlah seperti yang diperkatakan oleh masyarakat seperti mereka adalah berbahaya, mereka hanya memberikan semangat dan mengajar ibu bagaimana untuk menghadapi gangguan emosi, cara untuk kurangkan sakit bersalin, urutan yang sesuai dan minyak yang bagus semasa kehamilan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Perubatan tradisional merangkumi aspek perubatan pengetahuan tradisional yang berkembang dari generasi ke generasi. Dalam kajian-kajian terkini, terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh doula di Malaysia.

Antara permasalahannya ialah keselamatan dan keberkesanan perubatan tradisional. Kajian Salah satu permasalahan utama adalah kurangnya pengiktirafan terhadap peranan doula oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, terdapat kekurangan latihan dan garis panduan yang jelas bagi doula di Malaysia. Oleh itu, doula di Malaysia masih belum mempunyai pengiktirafan yang kukuh dalam sistem penjagaan kesihatan negara. Adalah dengan adanya temubual kami, kami akan mendapat ilmu serba sedikit tentang keberkesanan dan kesan sampingan yang berlaku sepanjang proses perubatan berlaku.

Seterusnya ialah pengaruh globalisasi yang semakin maju dan ilmu baharu. Pengaruh globalisasi turut mempengaruhi amalan perubatan tradisional. Amalan ini semakin terpinggir dan kurang diminati oleh generasi muda yang lebih cenderung kepada perubatan moden. Lebih meragukan apabila terdapat banyak kes tentang salah faham antara doktor dengan doula berkenaan ibu bersalin yang meninggal semasa menggunakan khidmat nasihat doula.

Akhir Sekali, kehilangan maklumat tentang kewujudan doula. Kehilangan ini turut menjadi isu yang serius dalam kalangan Masyarakat. Amalan perubatan tradisional ini turut terjejas akibat daripada pengaruh globalisasi dan kurangnya minat dalam kalangan generasi muda.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik:

- i. Untuk mengetahui latar belakang tokoh didalam bidang tradisional doula
- ii. Untuk mengkaji keberkesanan dan keselamatan rawatan yang diberi
- iii. Untuk mengenali jenis-jenis ubat yang digunakan untuk merawat ibu mengandung.

4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah latar belakang tokoh sebagai doula yang merawat ibu mengandung?
- ii. Bagaimanakah mahu menilai keberkesanan terhadap rawatan yang diberi?

- iii. Adakah jenis ubat-ubatan yang diberi selamat dan bagaimana hendak dikenal pasti jenis ubat yang sesuai digunakan?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian perubatan tradisional Doula memainkan peranan penting dalam memahami keselamatan dan keberkesanan menjadi peneman ibu-ibu mengandung. Kajian ini membantu dalam mengenal pasti ubat-ubatan atau minyak yang berkesan dan selamat untuk digunakan. Selain itu, kajian saintifik juga dapat membantu dalam memperbaiki penggunaan ubat-ubatan tradisional dan memastikan keselamatan penggunaannya.

Kajian ini juga dapat membantu dalam mempromosikan amalan perubatan tradisional dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingannya. Ini dapat membantu dalam memastikan bahawa amalan ini terus diwarisi oleh generasi masa depan supaya mereka tahu ada ubat semulajadi yang boleh digunakan.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu dalam mengembangkan ubat-ubatan baru yang berasaskan tumbuhan yang digunakan semasa rawatan. Ini dapat membuka peluang baru dalam bidang perubatan dan juga membantu dalam mempromosikan kepentingan perubatan tradisional atau semulajadi.

6. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Aimi Sham, Mohamad Nadhri, & Salimi, (2018) Doula adalah seorang profesional yang terlatih yang memberikan sokongan fizikal, emosi, dan maklumat secara berterusan kepada ibu sebelum, semasa, dan selepas bersalin untuk membantu ibu mencapai pengalaman bersalin yang paling sihat dan memuaskan. Kajian ini dilakukan untuk mencari relevan doula di Malaysia. Kajian ini melibatkan 280 responden dan soal selidik berstruktur digunakan untuk pengumpulan data. Semua pembolehubah diukur melalui skala yang digunakan oleh penyelidik lain sebelum ini. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan masyarakat terhadap doula di Malaysia adalah rendah.

Selain itu, menurut Noor, Doula adalah seorang yang memberi sokongan emosi dan membantu ibu-ibu yang baru pertama kali mengandung tentang pemakanan, tentang cara bersalin, penyusuan, penjagaan bayi, dan urutan untuk badan. Artikel tersebut juga menyentuh tentang perbezaan antara bidan dan Doula yang semestinya berbeza. Bidan ialah seorang yang ahli medikal terlatih manakala Doula hanyalah berfungsi sebagai peneman ibu dari segi emosi dan panduan semasa mengandung mahupun melahirkan.

Mengikut artikel yang bertajuk "Evidence Brief: Doula Support for Veterans", pejabat Kesihatan Wanita VHA meminta satu ringkasan bukti mengenai kelebihan penjagaan doula untuk veteran yang mengandung, bersalin, dan berpantang, yang merupakan apa yang artikel ini sediakan. Untuk memahami lebih baik hasil ibu, bayi, dan bersalin serta unsur-unsur pelaksanaan inisiatif sokongan doula yang berkesan, pengarang menjalankan analisis sistematik 41 kertas mengenai program sokongan doula. Penulis mendapati bahawa penggunaan sokongan doula mungkin berkaitan dengan kadar pembedahan caesar yang lebih rendah, kadar penggunaan oksitosin atau pitosin yang lebih rendah, kadar penggunaan epidural yang lebih rendah dan masa bersalin yang lebih pendek. Selain itu, penulis tidak menemui sebarang bukti bahawa bersalin dengan doula atau dengan teman orang awam boleh membahayakan. Pengarang menekankan bahawa bukti mengenai bantuan doula sering terhad oleh variasi dalam kaedah kajian dan kriteria intervensi, dan menggalakkan penyelidikan lanjut untuk mengenal pasti komponen program yang penting dan ciri-ciri intervensi yang ideal.

Berdasarkan artikel yang dikarang oleh Mayowa Oluranti Ogundiyun yang bertajuk “Kelebihan Amalan Pasca Bersalin Budaya dan Penjagaan Wanita Pasca Bersalin: Satu Tinjauan Literatur”. Tujuan dan Kaedah: Tujuan artikel ini adalah untuk mengkaji bagaimana kesihatan fizikal dan mental wanita pasca bersalin dipengaruhi oleh amalan pasca bersalin budaya pelbagai etnik. Pengarang meneliti 25 penerbitan dari pelbagai pangkalan data, kemudian menggunakan analisis tematik untuk menilai bahan tersebut. Penemuan dan Implikasi: Pengarang mendapati bahawa amalan pasca bersalin budaya, seperti mengurangkan pendarahan, jangkitan, sakit, tekanan, dan kemurungan, memberi kesan positif kepada pemulihan wanita pasca bersalin.

Perbandingan Doula dan Bidan

Selain itu, mengikut bahan rujukan kami di dalam sebuah artikel, Doula adalah seorang yang memberi sokongan emosi dan membantu ibu-ibu yang baru pertama kali mengandung tentang pemakanan, tentang cara bersalin, penyusuan, penjagaan bayi, dan urutan untuk badan. Artikel tersebut juga menyentuh tentang perbezaan antara bidan dan Doula yang semestinya berbeza. Bidan ialah seorang yang ahli medikal terlatih manakala Doula hanyalah berfungsi sebagai peneman ibu dari segi emosi dan panduan semasa mengandung mahupun melahirkan.

Keberkesanan Sokongan Doula

Seterusnya, kajian ini adalah inisiatif kami untuk mengkaji tentang keberkesanan dan keselamatan Doula di Malaysia dengan lebih mendalam. Hal ini kerana terdapat banyak maklumat yang salah tentang Doula dan menimbulkan persepsi yang negatif terhadap Doula. Maklumat yang sedia ada tidak cukup untuk menguatkan persepsi Doula bahkan tiada maklumat langsung mengenai Doula di Arkib Negara Malaysia.

7. METODOLOGI

Penyelidikan mengenai Doula adalah penting untuk memahami kesan kesihatan, keberkesanan rawatan, dan penggunaan ubat semulajadi yang ada di Malaysia. Penyelidikan ini membantu menyelamatkan, memahami, dan menghargai sumber perubatan semulajadi yang ada di Malaysia. Ini penting untuk memelihara budaya dan pengetahuan tradisional yang dapat terancam oleh globalisasi dan moden.

Selain itu, panduan yang diberikan oleh Doula boleh menjadi sumber alternatif untuk rawatan kesihatan. Penyelidikan ini boleh membantu mengenal pasti kaedah mengawal emosi yang berkesan dan menyediakan pilihan rawatan yang lebih luas untuk masyarakat umum.

Dengan memahami amalan perubatan tradisional, ia dapat memberi tumpuan kepada pencegahan penyakit dan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Hal ini kerana, Sokongan doula dapat membantu ibu mengurangkan kecemasan dan rasa sakit semasa bersalin, meningkatkan kepuasan ibu terhadap pengalaman bersalin, dan memberikan ilmu kehamilan dan penjagaan bayi.

Kami memilih salah seorang Doula di Malaysia iaitu Puan Masyitah binti Md Hassan atau dikenali sebagai Doula Mas. Penglibatan beliau dalam inisiatif kelahiran semulajadi atau natural birth bermula pada tahun ketiga pembelajarannya di universiti. Pada masa itu, beliau telah mencuba sendiri kaedah natural birth ketika melahirkan anak kedua kerana ingin mengurangkan trauma bersalin dan pulih dengan cepat. Keberanian untuk mencuba pengalaman tersebut memberikan beliau wawasan mendalam mengenai kekuatan dan potensi wanita dalam melahirkan. Semasa mengandung anak ketiga, Doula Mas turut mengambil khidmat seorang doula dari Singapura. Tindakan ini menunjukkan komitmen beliau untuk memastikan setiap pengalaman kelahiran adalah unik dan disokong dengan

sebaik mungkin. Malah, suaminya turut berpengalaman dalam menyambut anak ketiga melalui kaedah waterbirth, menunjukkan sokongan dan keterlibatan keluarga yang tinggi.


Sehubungan dengan itu, proses untuk menjalankan penyelidikan ini dijalankan dengan penuh beretika dan menyelidik dengan berhati-hati supaya tidak ada salah faham dan selesa semasa temubual dijalankan. Temubual ini dijalankan secara bersemuka di Pulau Pinang.

8. HASIL KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan, keberkesanan, dan keselamatan doula di Malaysia. Doula adalah seorang pendamping perempuan yang memberikan sokongan fizikal, emosi, dan maklumat kepada ibu sepanjang proses kehamilan, bersalin, dan berpantang.

Kajian ini merujuk kepada beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa sokongan doula dapat membantu mengurangkan kecemasan, rasa sakit, komplikasi, dan kos perubatan semasa bersalin, serta meningkatkan kepuasan, penyusuan susu ibu, dan kesejahteraan ibu dan bayi. Kajian ini juga menyentuh tentang perbezaan antara doula dan bidan, serta pengaruh globalisasi terhadap amalan perubatan tradisional. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik pengumpulan data melalui sejarah lisan dan wawancara. Sejarah lisan adalah kaedah yang mengumpulkan maklumat daripada sumber lisan yang mempunyai pengalaman atau pengetahuan tentang sesuatu topik. Wawancara adalah kaedah yang mengemukakan soalan-soalan kepada responden untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kajian ini menggunakan soalan terbuka dan tertutup untuk mendapatkan maklumat daripada tokoh doula. Ia juga menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis data yang diperoleh.

Kajian ini mendapati bahawa doula memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan emosi, fizikal, dan maklumat kepada ibu sepanjang proses kehamilan, bersalin, dan berpantang. Doula juga menggunakan ubat-ubatan atau minyak semulajadi yang berkesan dan selamat untuk merawat ibu. Kajian ini juga menunjukkan bahawa doula masih kurang dikenali dan diiktiraf oleh masyarakat dan sistem kesihatan di Malaysia, walaupun terdapat beberapa inisiatif untuk mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan doula. Masih ramai lagi beranggapan bahawa Doula ini sangat berbahaya walhal mereka tidak membuat servis medikal terhadap pelanggan mereka. Hanyalah memberi sokongan dari segi emosi untuk mengelakkan kemudaratan kepada ibu-ibu mengandung.



Gambar 1: Doula Mas memberi taklimat tentang senaman untuk ibu mengandung

9. KESIMPULAN

Doula adalah teman wanita yang memberikan sokongan emosi, fizikal, dan maklumat kepada wanita hamil semasa kehamilan, bersalin, dan selepas bersalin. Doula membantu ibu mengurangkan kesakitan, meningkatkan pengalaman bersalin, dan menyokong penyusuan susu ibu. Objektif kajian adalah untuk meneroka latar belakang pakar dalam perubatan doula tradisional, untuk mengkaji keberkesanan dan keselamatan rawatan yang diberikan, dan untuk mengenal pasti jenis-jenis ubat yang digunakan untuk merawat wanita hamil.

Kaedah penyelidikan adalah sejarah lisan dan temu bual dengan pakar, Puan Masyitah Binti Md Hassan, yang merupakan doula dan pendidik kelahiran. Kajian ini juga meninjau kembali literatur tentang peranan dan faedah doula dalam sistem penjagaan kesihatan negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa sokongan doula dapat mengurangkan risiko komplikasi bersalin, memendekkan tempoh bersalin, dan meningkatkan kepuasan ibu. Kajian juga menunjukkan bahawa doula dapat mengurangkan kos perubatan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga. Kajian ini juga membuka mata dan minda penyelidik bahawa persepsi doula sangat berbeza dari pandangan mereka sendiri. Impak kajian adalah untuk mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan doula di Malaysia, untuk meningkatkan kesedaran dan pengiktirafan peranan doula di kalangan masyarakat dan sistem penjagaan kesihatan, dan untuk membangunkan ubat-ubatan berasaskan tumbuhan yang digunakan semasa rawatan.

Penghargaan: Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kami amat bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan limpah kurnia-Nya kami dipermudahkan dan diberikan kekuatan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya untuk menyiapkan tugas Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604). Kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada **Puan Masyitah Binti Md Hassan** di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami untuk ditemuramah dan berkongsi pengalaman beliau sebagai Doula di Malaysia. Semoga dokumentasi ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan rujukan buat para pelajar, pensyarah serta penyelidik yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai doula ini.

Di kesempatan ini juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Jafalizan Bin Md Jali yang tidak kenal erti penat, lelah, dan terus sabar dan tabah untuk membimbing kami sepanjang tempoh menyiapkan transkrip ini. Tanpa tunjuk ajar, komen yang berterusan, sokongan serta dorongan daripada beliau, maka tidak mungkin kami dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Pengorbanan masa yang diberikan dalam membantu dan memantau hasil kerja kami, tidak akan kami lupakan.

Tugas ini disiapkan dengan sepenuh kerjasama antara kami berdua iaitu Nur Izatul Shahirah Binti Mohd Fauzi dan Athilah Hazimah Binti Othman. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada satu sama lain di atas usaha dan komitmen yang diberikan dalam menyelesaikan tugas ini.

Tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa sokongan, dorongan serta galakan daripada mereka, tidak mungkin kami berada di sini.

RUJUKAN

- Aimi Sham, N. S., Mohamad Nadhri, F. I., & Salimi, M. S. (2018). *The Relevance of Doula in Malaysia*. Media & Society.
- Noor. (n.d.). theAsianparent. Retrieved from www.theasianparent.com: <https://my.theasianparent.com/doula-di-malaysia-fakta-sebenar>.
- Ogundiyun, M. O. (2022). *The Benefits of Cultural Postbirthing Practices and the Care of Postpartum Women*.
- Rahman, B., Williams, B. E., Anderson, J. K., Ward, R. M., Mackey, K., et.al, (2022). *Evidence Brief: Doula Support for Veterans*.